

## BAHAYA PERPECAHAN DALAM MASYARAKAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَاطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَلَا تَنَزَعُوا فَنَفْسَلُوا وَتَذَهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan berusaha melaksanakan setiap perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Masyarakat yang baik adalah masyarakat yang saling hidup dengan aman dan harmoni sekalipun berkongsi kehidupan dengan yang bukan Islam. Ini adalah kerana manusia adalah sebaik-baik makhluk yang diciptakan oleh Allah Subhanahu wa Taala

berbanding dengan makhluk-makhluk lain. Firman Allah swt dalam surah al-Isra' ayat 70 :

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَبْرِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ

خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

**Yang bermaksud:** “Dan kami memuliakan bani Adam dan kami berikan mereka kelebihan dengan mereka menguasai di daratan dan lautan serta kami berikan rezeki-rezeki yang baik dan kami lebihkan manusia ini melebihi dari ciptaan yang kami pernah ciptakan ”

Kesan dari perpecahan ini akan menjadikan sesebuah negara kucar-kacir. Dengan itu masyarakat Islam dalam negera ini khususnya hendaklah bersatu padu dan mengelakkan perkara-perkara yang boleh memecahkan perpaduan umat Islam. Perkara ini telah diperintahkan sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala surah Ali Imran ayat 103 :

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمُ

بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ ۗ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Yang bermaksud: *Dan berpegang teguhlah kamu pada tali Allah (Islam), jangan berpecah belah, dan ingatlah ketika kamu berada di jurang api neraka (disebabkan perpecahan), maka Allah menyelamatkan kamu dengan nikmat persaudaraan. Demikian Allah menerangkan pada kamu ayat-ayatnya, mudah-mudahan kamu beroleh petunjuk.*”

Allah Subhanahu wa Taala memuji atas kenikmatan persaudaraan dan mengelakkan perpecahan dalam masyarakat Islam. Prinsip ketaatan pada Allah dan taat pada Rasul adalah kunci perpaduan yang sebenarnya.

Rasullullah SAW juga memberi amaran kepada umat Islam supaya tidak berpecah belah sebagaimana sabda baginda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

لَا تَخْتَلِفُوا فَإِنَّ مِنْ كَانَ قَبْلَكُمْ اِخْتَلَفُوا فَهَلَكُوا

Yang bermaksud: *Janganlah kamu berselisih faham, kerana orang terdahulu telah binasa disebabkan berselisih faham.*

Sidang jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Antara punca perpecahan dalam masyarakat Islam bermula dari golongan yang telah membidaahkan amalan khilafiah yang telah diamalkan sejak zaman berzaman yang mempunyai sandaran nas al-quran dan hadis seperti mempertikaikan bacaan Yaasin pada malam Jumaat, bertahlil, bertalqin, berzikir secara beramai-ramai selepas solat fardhu, mempersoalkan sambutan hari-hari kebesaran Islam serta menidakkan berdoa awal tahun dan akhir tahun dan selainnya. Satu lagi contoh yang menampakkan perpecahan dalam masyarakat kita iaitu mereka menolak pandangan empat mazhab dan mengambil pandangan mereka sendiri seperti meletakkan tangan atas dada ketika qiam dalam solat. Meskipun amalan seumpama ini mempunyai sandaran daripada hadis, akan tetapi tidak menjadi dalil pegangan kepada mazhab yang empat. Untuk perhatian sidang jumaat sekalian, yang dimaksudkan ahli sunnah waljamaah dalam hukum feqah, tidak boleh menyalahi daripada mazhab yang empat. Pada peringkat awalnya mereka membidaahkan amalan-amalan tersebut kemudian mereka mendakwa sesat, akhirnya mereka menghalalkan darah bagi pengamalannya.

Pandangan golongan inilah menjadi punca perpecahan dalam masyarakat kita dan negara-negara Islam yang lain, kerana mereka mengambil fatwa golongan mereka dengan menolak fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama. Sebahagian mereka inilah yang telah dibuktikan oleh pihak keselamatan negara kita yang ditangkap kerana menjadi pelampau ISIS/Daesh.

Bagi mengelakkan perpecahan dalam masyarakat adalah penting menguatkuasakan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama dengan melarang masyarakat kita melibatkan diri dalam keganasan seperti menyertai golongan Daesh adalah bukan jihad yang dituntut oleh agama Islam.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Nisa ayat 59 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن

كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Yang bermaksud:” Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan kepada “Ulil Amri” (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih pendapat dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya- Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih baik pula akibatnya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Kesimpulannya agama Islam adalah agama yang sangat menitik beratkan keamanan dan perpaduan serta melarang keras perpecahan dalam bermasyarakat khususnya perpecahan akibat fahaman politik yang berlainan . Marilah kita bersama-sama saling menyayangi, hormat menghormati antara sesama kita sehingga menjadi sebuah negara ‘Baladun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur’.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah saba’ ayat 15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ، بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Yang bermaksud: “Dan makanlah rezeki yang dikurniakan oleh Tuhan kamu dan bersyukurlah, negeri yang baik dan dalam keampunan tuhannya.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.